

27/10/2002

Selidik punca keganasan sebelum bertindak: TPM

Kadir Dikoh

LOS CABOS (Mexico): Malaysia akan terus menyatakan pendirian tegas supaya punca keganasan dikenal pasti terlebih dulu dan ditangani secara bijak ketika Presiden Amerika Syarikat, George W Bush mengadakan pertemuan dengan pemimpin Asean di sini hari ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, punca keganasan amat penting untuk ditangani kerana jika tidak, usaha membanteras isu itu tidak akan berjaya dan merugikan banyak masa.

Namun kata beliau, pihaknya belum pasti lagi apa sebenarnya yang akan dibincangkan pada pertemuan itu nanti yang diadakan sempena Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kerana perjumpaan itu dibuat atas kehendak pihak Amerika Syarikat.

"Tapi satu kemungkinan ialah mengenai keganasan dan mungkin juga kesempatan bagi Amerika Syarikat menerangkan pendiriannya mengenai Iraq. Kita bersedia untuk berbincang", katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Terdahulu, Abdullah mengadakan perbincangan dua hala secara berasingan dengan Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri dan tuan rumah Presiden Mexico, Vicente Fox Quesada. Turut serta dalam pertemuan itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, Fox sependapat dengan Malaysia supaya punca keganasan itu dikenal pasti manakala Megawati menyatakan kesediaan Indonesia untuk terus bekerjasama dengan Malaysia termasuk bertukar maklumat bagi menangani isu itu.

Ditanya sama ada pemimpin Asean sepakat dalam menyuarakan mengenai pentingnya punca keganasan dikenal pasti kepada Bush, beliau berkata dalam beberapa pertemuan sebelum ini termasuk sidang kemuncak Asean, mereka memang menyatakan bahawa sebab keganasan itu penting untuk diketahui.

Mengenai kemungkinan Bush menggunakan pertemuan itu untuk melobi sokongan terhadap usahanya menyerang Iraq, Abdullah enggan mengulas tetapi menyatakan bahawa pendirian Malaysia jelas dalam isu itu.

"Pendirian Malaysia ialah kita tidak setuju langkah Amerika Syarikat menyerang Iraq," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Fox, beliau berkata ia bertujuan untuk membincangkan usaha memperluaskan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Mexico dengan Presiden Mexico itu berpendapat sudah tiba masa untuk memberi perhatian kepada ekonomi di Asia Tenggara.

Katanya, dalam pertemuan itu, Fox ingin mengetahui lebih lanjut langkah diambil Malaysia untuk mencapai kemajuan pesat serta kaedah pengagihan kekayaan kepada rakyat.

"Masalah beliau ialah pengagihan kekayaan dan pembangunan yang beliau rasa matlamatnya belum tercapai. Fox juga berharap wujud kerjasama dalam industri kecil dan sederhana di antara kedua-dua negara," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Megawati, Abdullah berkata beliau menyampaikan hasrat Malaysia supaya Presiden Indonesia itu dapat hadir ke mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur tahun depan.

Katanya, Megawati juga menimbang permintaan Malaysia supaya Indonesia turut serta dalam forum perniagaan sempena NAM dan ekspo perdagangan sempena mesyuarat OIC.

Abdullah berkata, dalam pertemuan dengan 40 anggota Kerjasama Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) pula, beliau menjelaskan bahawa dasar yang membawa kejayaan Malaysia akan terus dilaksanakan selepas Oktober tahun depan.

"Kita juga akan meneruskan dasar mesra perniagaan mengikut konsep Perbadanan Malaysia kerana ia penting dalam mewujudkan kerjasama di antara sektor swasta dan awam," katanya.

Ditanya apakah penerimaan pemimpin asing yang ditemuinya sebagai orang yang bakal menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober depan, beliau berkata: "Saya tak tahu, tetapi mereka mengucapkan tahniah".

Ketika berucap pada sesi pleno bertajuk "Kemiskinan dan Globalisasi", Abdullah berkata sebarang penyelesaian bagi tujuan itu harus dilakukan secara menyeluruh termasuk dari aspek sosial dan politik.

Beliau berkata, masalah ekonomi tidak boleh diselesaikan melalui tindakan ekonomi saja, kerana terbukti kerosakan disebabkan oleh 'ubat salah' diberikan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Kita tidak harus menggunakan institusi yang tenat untuk mengubati ekonomi yang sakit. Malaysia menggunakan pendekatan dasar 'memakmurkan jiran' kerana langkah itu memberi manfaat kepada semua dalam jangka panjang.

"Ini kerana apabila sebuah negara menjadi miskin, ia tidak boleh menjadi pasaran yang baik untuk rakan perdagangannya.

"Dalam sebuah kampung, apabila sebuah rumah terbakar, tiada siapa selamat. Dalam sebuah masyarakat, tiada keluarga kaya boleh hidup gembira jika masyarakat yang lain hidup dalam kemiskinan dan papa kedana," katanya.